

## Terma & Syarat

### Kempen Simpan & Menang Bersama

1. “Kempen Simpan & Menang Bersama” (“Kempen”) bermula dari 1 Oktober 2020 sehingga 31 Januari 2021 (termasuk kedua-dua tarikh), kecuali diberitahu selainnya (“Tempoh Kempen”).
2. Kempen ini dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (200701029411) (secara kolektif “Maybank”) dan tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat berikut (“**Terma dan Syarat**”).
3. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak (rujuk Klausa 4) bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat ini dan segala keputusan Maybank dan semua keputusan yang dibuat oleh Maybank berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

### Kelayakan

4. Kempen ini adalah terbuka kepada semua pemegang akaun Maybank baharu dan sedia ada (yang terdiri daripada pemegang akaun individu dan akaun bersama) (“Pelanggan Yang Layak”) daripada senarai akaun berikut (“Akaun Penyertaan”):

- |                                  |                           |
|----------------------------------|---------------------------|
| • Akaun Simpanan Kawanku         | • Maybank2u.Premier       |
| • Akaun Simpanan Asas            | • Maybank2u Savers        |
| • Akaun Simpanan Personal Savers | • Zest-i*                 |
| • Akaun Simpanan Golden Savers   | • Golden Savvy Account-i* |

Maybank/Maybank Islamic adalah ahli PIDM. Perlindungan PIDM adalah tertakluk kepada kriteria kebolehinsuransan. Layari [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) untuk senarai deposit yang diinsuranskan.

\*Produk-produk Akaun Pelaburan Maybank Islamic

5. Untuk akaun bersama, hanya pemegang akaun utama sahaja yang layak sebagai Pelanggan Yang Layak.
6. Baki di dalam ‘Goal Savings Plan’ dan/atau Akaun Flexi Savers yang berkait dengan Akaun Penyertaan turut layak menyertai Kempen ini.
7. Semua kakitangan Maybank tidak layak menyertai Kempen ini.

### Kriteria Kelayakan & Mekanisma Kempen

8. Untuk melayakkan diri dalam cabutan hadiah Kempen, Pelanggan Yang Layak mesti memenuhi kriteria yang berikut:
  - i. Membuka/Memegang mana-mana Akaun Penyertaan;
  - ii. Minimum penambahan Baki Purata Harian (“BPH”) sebanyak RM3,000 sepanjang Tempoh Kempen (garis dasar: BPH bagi bulan September 2020); dan
  - iii. Mengekalkan Baki Akhir Bulan (“BAB”) minimum sebanyak RM3,000 pada 31 Januari 2021.
9. Bagi setiap penambahan RM3,000 BPH dalam Akaun Penyertaan, Pelanggan Layak bakal menerima lima (5) penyertaan dalam cabutan hadiah Kempen.

10. Pemegang akaun Maybank2u Savers dan Maybank2u.Premier bakal menerima sepuluh (10) penyertaan tambahan dalam cabutan hadiah Kempen.

11. Pelanggan baharu yang membuka mana-mana Akaun Penyertaan semasa Tempoh Kempen dan pelanggan sedia ada yang mendaftar penyertaan bakal menerima lima puluh (50) penyertaan tambahan dalam cabutan hadiah Kempen.

Jenis Pelanggan	Kelayakan untuk menerima lima puluh (50) penyertaan tambahan
Pelanggan Baharu kepada Maybank (tidak memegang produk Maybank sebelum Kempen bermula)	Buka Akaun Penyertaan
Pelanggan Baharu kepada CASA <sup>1</sup> / IA <sup>2</sup> (memegang produk Maybank seperti kad kredit/pinjaman/pembiayaan, tanpa CASA <sup>1</sup> / IA <sup>2</sup> sebelum Kempen bermula)	Buka Akaun Penyertaan
Pelanggan Baharu kepada Akaun Penyertaan (memegang CASA <sup>1</sup> / IA <sup>2</sup> yang lain, tanpa memegang Akaun Penyertaan CASA <sup>1</sup> / IA <sup>2</sup> sebelum permulaan Kempen, iaitu garis dasar = 0)	Buka Akaun Penyertaan
Pelanggan CASA <sup>1</sup> / IA <sup>2</sup> Sedia Ada (memegang Akaun Penyertaan CASA <sup>1</sup> / IA <sup>2</sup> sebelum Kempen bermula)	Mendaftar atastalian melalui <a href="https://www.maybank2u.com.my">https://www.maybank2u.com.my</a>  Nota: Sah untuk pendaftaran sekali sahaja bagi setiap pelanggan sedia ada

Nota: <sup>1</sup> *Current Account/Savings Account* (CASA) merujuk kepada Akaun Semasa dan Akaun Simpanan

<sup>2</sup> *Investment Account* (IA) merujuk kepada Akaun Pelaburan Mudarabah

12. Pengiraan Baki Akhir Bulan ("BAB") adalah seperti berikut:

BAB = Baki tertunggak pada akhir 31 Januari 2021

13. Pengiraan penambahan Baki Purata Harian ("BPH") bagi cabutan hadiah Kempen adalah seperti berikut:

i. Pelanggan Baharu:

Penambahan BPH sepanjang Tempoh Kempen =  
$$\frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian dari tarikh pembukaan akaun sehingga 31 Jan 2021}}{\text{Bilangan hari dari tarikh pembukaan akaun sehingga 31 Jan 2021}} - \text{Garis Dasar}$$

ii. Pelanggan Sedia Ada:

Penambahan BPH sepanjang Tempoh Kempen =  
$$\frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian dari 1 Okt 2020 sehingga 31 Jan 2021}}{4 \text{ bulan} / 123 \text{ hari}} - \text{Garis Dasar}$$

14. Pengiraan Garis Dasar adalah seperti berikut:

- i. Bagi pelanggan baharu yang membuka Akaun Penyertaan dalam Tempoh Kempen, Garis Dasar adalah sifar.
- ii. Bagi pelanggansedia ada, Garis Dasar adalah BPH bagi bulan September 2020, iaitu,

$$\text{BPH bagi bulan Sept 2020} = \frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian pada bulan Sept 2020}}{30 \text{ hari}}$$

15. Penyertaan daripada semua Pelanggan Layak akan diambil kira secara automatik oleh sistem Maybank.

16. Sekiranya pemegang akaun memenuhi kriteria/diberikan ganjaran melalui kempen akaun deposit/pelaburan Maybank yang lain atau Cabutan Hadiah Bulanan Zest-i semasa Tempoh Kempen, pemegang akaun tersebut akan dikecualikan daripada kumpulan Pelanggan Layak bagi cabutan hadiah Kempen ini.

17. Pemenang cabutan hadiah Kempen akan dipilih selepas berakhir Tempoh Kempen melalui program pemilihan rawak Maybank daripada kumpulan Pelanggan Layak (“Pemenang”).

#### Hadiah Kempen

18. Kempen ini menawarkan Hadiah seperti berikut:

	Hadiah**	Nilai Hadiah (RM)
Peringkat 1 (Pelancaran Kempen)	10 unit x Samsung Galaxy Fit	369.00 setiap unit
Peringkat 2 (2000 pendaftaran*)	10 unit x Sony Wireless Earphones	949.00 setiap unit
	100 x wang tunai RM20	20.00 setiap satu
Peringkat 3 (5000 pendaftaran*)	10 unit x GoPro Hero8 Black	1,599.00 setiap unit
	200 x wang tunai RM30	30.00 setiap satu
Peringkat 4 (8000 pendaftaran*)	10 unit x Huawei P40	2,799.00 setiap unit
	500 x wang tunai RM40	40.00 setiap satu
Peringkat 5 (10000 pendaftaran*)	10 unit x Apple iPad Pro	5,499.00 setiap unit
	600 x wang tunai RM50	50.00 setiap satu

\* Pendaftaran merujuk kepada jumlah pelanggan baharu yang membuka Akaun Penyertaan dan pelanggan sedia ada yang mendaftar penyertaan dalam talian.

\*\* Peringkat Hadiah akan bertambah (iaitu, semakin banyak bilangan pendaftaran, semakin banyak Hadiah yang boleh dimenangi).

19. Selepas proses pemilihan pemenang secara rawak, Pemenang terpilih akan disusun mengikut penambahan BPH (dari tertinggi ke terendah) dan diberikan ganjaran mengikut Nilai Hadiah (dari tertinggi ke terendah).

**20.** Setiap Pelanggan Layak hanya berhak mendapat satu (1) hadiah.

**21. Pengedaran Hadiah**

- i.** Pemenang perlu memiliki nombor telefon bimbit dan alamat emel yang sah yang didaftarkan dengan Maybank untuk dihubungi bagi pengedaran hadiah.
- ii.** Pelanggan Layak yang ingin menerima pemberitahuan kemenangan melalui peti masuk Maybank2u dan *push notifications* dalam aplikasi Maybank2u perlu didaftar dalam Maybank2u dan adalah pengguna aktif aplikasi Maybank2u.
- iii.** Maybank berhak untuk menggantikan Hadiah (nilai yang akan ditentukan oleh Maybank) atas sebab-sebab yang dianggap wajar oleh Maybank. Maybank akan memberitahu Pemenang melalui mana-mana cara komunikasi yang dianggap sesuai oleh Maybank.
- iv.** Hadiah Kempen akan diedarkan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pemilihan Pemenang diselesaikan.
- v.** Pemenang bertanggungjawab untuk memastikan alamat surat-menyurat dan maklumat perhubungan yang disimpan dalam rekod Maybank adalah terkini.
- vi.** Hadiah adalah diberi secara sedia ada ('asis' basis) dan tidak boleh dipindah milik atau ditukarkan, dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini, dan sebarang Hadiah yang tidak dituntut selama tiga (3) bulan selepas pemberitahuan Pemenang dilakukan akan dibatalkan.
- vii.** Selepas pengedaran, Maybank tidak akan bertanggungjawab lagi ke atas penggunaan Hadiah.

**22.** Pemenang mungkin dikehendaki untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain apabila diperlukan (jika ada) dan Pemenang bersetuju untuk mendedahkan maklumat berkaitan melalui mana-mana cara yang ditentukan oleh Maybank. Kegagalan untuk menghadiri majlis penyampaian Hadiah dan/atau program publisiti lain akan dianggap sebagai pembatalan Hadiah.

**Terma dan Syarat Lain-Lain**

**23.** Pelanggan Layak yang menutup akaun sebelum pemilihan Pemenang diselesaikan dan dimaklumkan, tidak layak menerima Hadiah Kempen ini.

**24.** Hanya Akaun Penyertaan yang aktif sahaja layak menyertai Kempen ini. Akaun Penyertaan dalam status tidak aktif ('dormant') tidak akan diambil kira.

**25.** Keputusan Maybank mengenai semua perkara berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau usaha untuk mempertikaikan perkara yang sama tidak akan dilayan sama sekali.

**26.** Gambar Hadiah yang dipamerkan dalam iklan, promosi, dan bahan-bahan publisiti lain berkaitan dengan Kempen ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan spesifikasi sebenar mungkin berbeza.

**27.** Sebarang pertikaian berkaitan kualiti, kebolehdagangan dan/atau jaminan Hadiah (yang berkenaan) mesti diselesaikan antara Pemenang dengan pengedar/pembekal tanpa melibatkan Maybank. Maybank tidak bertanggungjawab atas pelanggaran kualiti atau jaminan Hadiah, atau apa-apa terma dan syarat yang berkaitan.

**28.** Setiap Pelanggan Layak bertanggungjawab secara peribadi untuk segala cukai, kadar, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan, di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada.

29. Jika terdapat apa-apa pertikaian (kecuali pertikaian di bawah Klausa 27) atau tiada penerimaan Hadiah, Pemenang dikehendaki menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di 1300 88 6688, dalam tempoh tiga (3) bulan selepas pemberitahuan Pemenang dilakukan, untuk meminta siasatan dijalankan. Permintaan terhadap apa-apa siasatan tidak akan dilayan selepas itu.

### **Terma dan Syarat Am**

30. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas apa-apa masalah yang berkaitan dengan sebarang kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan dan/atau kesalahan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui QRPay, Maybank2u, dengan syarat bahawa masalah bukan disebabkan oleh Maybank atau penentuan kelayakan pelanggan untuk Kempen.
31. Maybank berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menggantung, atau menamatkan keseluruhan Kempen ini atau sebahagiannya dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari sebelum apa-apa penambahan, penghapusan atau pindaan Terma dan Syarat, atau penamatan Kempen. Pemberitahuan berkenaan akan dilaksanakan melalui **laman web Maybank2u ([www.maybank.com.my](http://www.maybank.com.my))** dan/atau melalui kaedah komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Maybank. Pelanggan Layak bertanggungjawab untuk dimaklumkan atau mendapatkan pemberitahuan sedemikian yang disiarkan secara sah.
32. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pindaan, pemendekan, pembatalan, penggantungan atau penamatan Kempen ini oleh Maybank tidak akan melayakkan mana-mana Pelanggan Layak atau mana-mana orang lain jua kepada sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Maybank bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung, oleh tindakan pindaan, pemendekan, pembatalan, penggantungan, atau penamatan Kempen ini.
33. Maybank tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kehilangan, kerosakan atau kerugian apa jua sifat sekalipun yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan Layak yang berkenaan dengan penyertaan dalam Kempen ini. Maybank tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kegagalan untuk melaksanakan tanggungjawab yang berkaitan dengan Kempen ini disebabkan oleh kejadian sifat 'force majeure', termasuk tetapi tidak terhad kepada, tindakan 'act of God', peperangan, rusuhan, penguncian, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Maybank.
34. Terma dan syarat yang dinyatakan disini berkuatkuasa mengikut Undang-Undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
35. Maybank berhak mengikut budi bicaranya melucutkan/membatalkan/menolak kelayakan mana-mana Pelanggan Layak yang tidak mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen ini dan/atau proses atau operasi Kempen ini. Gangguan merangkumi aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang tipu muslihat dan/atau helah berkaitan dengan Kempen ini.
36. Sebarang pindaan (dari mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di sini) adalah mengikat dan terpakai ke atas Pelanggan Layak (melalui sebarang pemberitahuan yang dipaparkan di laman web Maybank2u).
37. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak bersetuju dan memberi kebenaran kepada Maybank untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka menurut

Notis Privasi Kumpulan Maybank, yang boleh dirujuk di [www.maybank.com.my](http://www.maybank.com.my) (“Notis Privasi Kumpulan Maybank”). Sila dapatkan penjelasan dari Maybank, sekiranya mana-mana Terma dan Syarat tidak difahami sepenuhnya.

- 38.** Sebagai penambahan dan tanpa menjejaskan terma dan syarat dalam Notis Privasi Kumpulan Maybank, Pelanggan Layak bersetuju dan memberi kebenaran untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka untuk:
- i) tujuan Kempen; dan
  - ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang media dan bahan iklan atau publisiti, seperti rakaman audio dan/atau visual yang dipaparkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media digital dan dalam talian dan Internet. Aktiviti pemasaran dan promosi, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan butiran yang diberikan dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu ramah, serta jawapan dan gambar berkaitan. Berkenaan ini, setiap Pelanggan Layak bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai dalam sebarang aktiviti periklanan dan publisiti yang munasabah oleh Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.
- 39.** Untuk maklumat, pertanyaan, maklumbalas, dan/atau aduan mengenai Kempen ini, sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan Maybank di talian utama 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696, atau menghantar emel kepada Maybank melalui borang maklumbalas di laman web Maybank2u ([www.maybank.com.my](http://www.maybank.com.my)).
- 40.** Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.